

# JHEP

## adakan

## Bengkel

## Pengurusan

## Aktiviti MPP

## 2018/2019

4B 22.11.2018 B2

JABATAN Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Bahagian Pembangunan Pelajar mengadakan Bengkel Pengurusan Aktiviti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2018/2019 pada 17 dan 18 November 2018 bertempat di Dewan Kuliah Pusat 4, UMS.

Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan serta bimbingan mengenai pengurusan aktiviti yang bakal dianjurkan oleh MPP bagi sesi 2018/2019. Ia juga membantu MPP merancang pengurusan aktiviti agar program yang bakal diadakan nanti berjalan dengan lancar dan mencapai matlamatnya.

Seramai 32 orang pemimpin MPP UMS hadir dalam bengkel itu. Pengisian slot bengkel disampaikan oleh Timbalan Pendaftar Kanan, Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat, Talib bin Abdullah Shani, UMS Kampus Antarabangsa Labuan, Mohd Fadzli Sarudi dan Pegawai Psikologi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS, Mohd Jumrat Minsun

Turut hadir pada bengkel itu ialah Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ahmadi Haji Nurdin, pegawai-pegawai dan staf JHEP, UMS.